

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Ahmad Marzuk bin Shaary
[Bachok]

SOALAN : (Ahmad Marzuk bin Shaary) minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

Kawasan padi dan anggaran kerugian di Kelantan yang menghadapi masalah serangan tikus yang serius. Apakah usaha terkini kerajaan dalam menangani serangan tikus di Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua

Pada Disember 2016 seluas 50.0 hektar tanaman padi telah terjejas oleh serangan tikus di kawasan Pasir Puteh dengan anggaran kerugian RM43,800.00. Pada Februari 2017 seluas 100.0 hektar tanaman padi telah terjejas oleh serangan tikus di kawasan Pasir Puteh dan Bachok dengan anggaran kerugian bernilai RM133,756.00.

Serangan tikus ini adalah berbentuk sementara yang berlaku semasa banjir sahaja. Masalah ini berlaku disebabkan kawasan-kawasan sekeliling iaitu kawasan habitat tikus ini ditenggelami air dan berlaku hujan menyebabkan tikus-tikus ini berhijrah untuk mencari tempat-tempat baru yang lebih tinggi dan untuk mendapatkan makanan.

Pihak KADA dan IADA Kemasin Semerak bersama petani telah mengadakan langkah kawalan seperti berikut:-

- (i) mengadakan program gotong royong bagi menjaga kebersihan sawah yang merupakan lokasi tempat tikus bersarang;

- (ii) menyediakan dan membekal umpan tikus serta mengadakan program *Transfer Of Technology* bersama petani di kawasan sawah;
- (iii) mengadakan kawalan Biologi iaitu memasang sarang Burung Hantu yang bertindak sebagai pemangsa kepada tikus; dan
- (iv) mengadakan program bersama petani di sawah supaya mereka mengamalkan amalan pertanian baik.